Harpers Trading (M) Sdn Bhd lwn Lee Fook Kiong dan lain-lain

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN SIVIL NO W–01–297 TAHUN 1996

MOKHTAR SIDIN, MOHD SAARI DAN ALAUDDIN HHMR
4 JANUARY 2006

Acara Sivil — Pliding — Pertindihan dalam pliding — Sama ada permohonan untuk certiorari dan perintah larangan merupakan pertindihan prosiding

Undang-Undang Buruh — Rujukan — Rujukan oleh Menteri — Keputusan menteri merujuk representasi kepada Mahkamah Perusahaan — Sama ada budi bicara Menteri dilaksanakan dengan betul — Akta Perhubungan Perusahaan 1967 s 20(3)

Undang-Undang Buruh — Rujukan — Rujukan oleh Menteri — Keputusan menteri merujuk representasi kepada Mahkamah Perusahaan — Sama ada representasi telah diselesaikan dalam rundingan damai antara pekerja dan majikan — Akta Perhubungan Perusahaan 1967 s 20(3)

Responden pertama berkhidmat dengan perayu sebagai seorang pengurus pemasaran. Pertikaian telah berlaku di antara kedua pihak. Responden pertama mengatakan beliau telah diminta meletakkan jawatan dan oleh itu beliau menganggap dirinya sebagai dibuang kerja oleh perayu berkuatkuasa mulai 12 Ogos 1995. Responden pertama memfailkan representasinya di bawah s 20(1) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ('Akta tersebut') di Jabatan Perhubungan Perusahaan. Suatu rundingan damai telah diadakan oleh jabatan tersebut pada 18 September 1995 dan berikutan itu, responden pertama telah dikembalikan jawatannya dan beliau diarah melaporkan diri untuk bertugas semula pada 25 September 1995. Responden pertama menyatakan bahawa sebelum beliau boleh melaporkan diri pihak perayu hendaklah memenuhi beberapa syarat seperti yang terkandung di dalam suratnya itu. Perayu enggan menepati syarat-syarat yang dikenakan oleh responden pertama. Perayu menulis kepada responden pertama dan memberitahu beliau bahawa beliau dianggap telah melepaskan jawatannya. Responden kedua, iaitu Menteri Sumber Manusia telah merujuk representasi responden pertama mengenai pembuangan kerjanya ke Mahkamah Perusahaan. Perayu kemudiannya memohon suatu perintah certiorari membatalkan keputusan responden kedua untuk merujuk pembuangan kerja respondent pertama kepada Mahkamah Perusahaan dan suatu perintah larangan kepada Mahkamah Perusahaan melarangnya dari meneruskan kes itu. Hakim Mahkamah Tinggi telah memerintahkan permohonan perayu itu ditolak, maka perayu merayu kepada Mahkamah ini. Perayu berhujah hakim telah gagal mempertimbangkan isu-isu berikut: (1) responden kedua tidak mempunyai bidang kuasa membuat rujukan di bawah s 20(3) Akta tersebut kerana responden pertama telah menolak tawaran pengembalian kerja itu; (2) representasi responden pertama di bawah s 20(3) Akta tersebut telahpun diselesaikan semasa rundingan damai dan oleh yang demikian, responden kedua tidak mempunyai bidang kuasa membuat rujukan

di bawah s 20(3) Akta tersebut; dan (3) responden kedua telah mempertimbangkan perkara-perkara tidak relevan dan gagal mempertimbangkan perkara-perkara relevan.

Diputuskan, menolak rayuan dengan kos:

(1) Responden kedua mempunyai budi bicara yang luas untuk menentukan sama ada sesuatu representasi wajar dirujuk ke Mahkamah Perusahaan (lihat perenggan 20). Di dalam kes ini, responden kedua telah melaksanakan budi bicaranya dengan adil dan sempurna dan tindakan beliau tidak boleh dianggap sebagai sikap degil atau 'perverse' malah ianya mempunyai justifikasi yang munasabah (lihat perenggan 26).

(2) Representasi responden pertama bukanlah sesuatu yang remeh dan menyusahkan. Sebaliknya, terdapat pertikaian fakta dan undang-undang yang serius untuk representasi tersebut dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan. Undang-undang khusus yang melibatkan isu pembuangan kerja secara konstruktif telah dibangkitkan oleh responden pertama. Jadi, Mahkamah Perusahaan adalah forum yang tepat dan sesuai untuk membicarakan isu ini (lihat perenggan 29).

(3) Permohonan perayu untuk suatu perintah certiorari bagi membatalkan keputusan responden kedua dan perintah larangan terhadap Mahkamah Perusahaan jelas menggalakkan pertindihan prosiding atau 'duplicity of proceedings' (lihat perenggan 32).

(4) Tindakan yang diambil oleh responden kedua dalam melaksanakan budi bicaranya di bawah s 20(3) Akta tersebut amatlah berpatutan dan wajar. Perayu gagal menunjukkan bahawa responden bertindak secara sesuka hati tanpa mengambil kira perkara-perkara yang relevan dan mengikut undang-undang (lihat perenggan 36).

[English summary

The first respondent was employed by the appellant as a marketing manager. Dispute arose between the two parties. The first respondent stated that he was made to resign and therefore felt that he was wrongfully dismissed by the appellant effective 12 August 1995. The first respondent filed a representation under s 20(1) of the Industrial Relations Act 1967('the said Act') at the Department of Industrial Relations. An amicable settlement was carried out by the said Department on 18 September 1995 and following that, the first respondent was resinstated to his former position and he was ordered to report for duty on 25 September 1995. The first respondent stated that before he could report for duty the appellant must satisfy a few conditions as contained in the letter. The appellant refused to comply with the conditions set out by the first respondent. The appellant wrote to the first respondent and told him that he was dismissed. The second respondent, the Minister of Human Resources had referred the representation of the first respondent as regards the dismissal of his job to the Industrial Court.

The appellant then applied for a certiorari order cancelling the second respondent's decision to refer the dismissal of the job of the first respondent to the Industrial Court and a prohibitory order to the Industrial Court prohibiting the continuance of the case.

The High Court judge ordered the appellant's application be dismissed therefore the appellant appealed to this court. The appellant submitted that the judge failed to consider the following issues: (1) the second respondent had no jurisdiction to make reference under s 20(3) of the Act because the first respondent turned down the offer of reinstatement; (2) the first respondent's representation under s 20(3) of the Act was completed during the amicable settlement and therefore the second respondent had no jurisdiction to make reference under s 20(3) of the said Act; and (3) the second respondent had considered matters which were irrelevant.]

Held, appeal dismissed with costs:

(1) The second respondent had wide discretion to determine whether a representation was necessary to be referred to the Industrial Court (see para 20). In this case, the second respondent carried out his discretion with fairness and just and his action cannot be said to be a stubborn and 'perverse' one but one of a reasonable justification (see para 26).

(2) The first respondent's representation was not trivial and troublesome. In fact, there exists serious dispute of facts and law for that said representation to be referred to the Industrial Court. Specific law involving issues of constructive dismissal were raised by the first respondent. Therefore, the Industrial Court was the exact and suitable forum to dispute the issues (see para 29).

(3) The appellant's application for a certiorari order to cancel the respondent's second decision and prohibitory order against the Industrial Court clearly encouraged overlap of proceeding or 'duplicity of proceedings' (see para 32).

(4) Action taken by the second respondent in carrying out discretion under s 20(3) of the said Act was very reasonable. The appellant failed to show that the respondent acted to his whims and fancy without taking into account relevant matters and following the law (see para 36).

Nota-nota

Untuk kes mengenai pertindihan dalam pliding, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed) Consolidated Subject Index perenggan 4805.

Untuk kes mengenai rujukan oleh Menteri, lihat 8(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 1460.

Kes-kes yang dirujuk

Associated Provincial Picture Houses Ltd v Wednesbury Corp [1948] 1 KB 223 (dirujuk)

Hong Leong Equipment Sdn Bhd v Liew Fook Chuan and another appeal [1996] 1 MLJ 481 (dirujuk)

Inchcape Malaysia Holdings Bhd v RB Gray & Anor [1985] 2 MLJ 297 (dirujuk)

Minister of Human Resources v Thong Chin Yoong [1999] 3 MLJ 257 (dirujuk)

Minister of Labour and Manpower & Anor v Wix Corporation South East Asia Sdn Bhd [1980] 2 MLJ 248 (dirujuk)
National Union of Hotel, Bar & Restaurant Workers v. Minister of Labour & Manpower [1980] 2 MLJ 189 (dirujuk)
Oversea-Chinese Banking Corporation Ltd. v. National Union of Bank Employees & Ors [1985] 1 MLJ 439 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk
Akta Perhubungan Perusahaan 1967 s 20(3)

N Sivabalah (S Suganthi bersama beliau) (Shearn Delamore & Co) bagi pihak perayu.
Randhari (Lobo & Associates) bagi pihak responden pertama.
Alice Loke Yee Ching (Peguam Kanan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara Malaysia) bagi pihak responden kedua dan ketiga.

Alauddin HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Tanggal 24 Julai 1996, perayu telah memfailkan satu notis usul terhadap responden-responden di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

[2] Melalui notis usul tersebut perayu memohon perintah-perintah berikut:

(i) suatu perintah certiorari untuk membawa kepada mahkamah yang mulia itu bagi tujuan membatalkan keputusan responden kedua bertarikh 15 Mei 1996 yang dibuat di bawah s 20(3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ('Akta tersebut') untuk merujuk pembuangan kerja responden pertama kepada Mahkamah Persekutuan;

(ii) suatu perintah larangan yang diarahkan kepada Mahkamah Perusahaan melarangnya dari meneruskan kes Mahkamah Perusahaan No 2/4–263/96 selanjutnya;

(iii) bahawa semua arahan yang perlu dan secara sampingan diberikan; dan

(iv) kos bagi permohonan itu dan kos sampingan hendaklah menjadi kos dalam kuasa.

[3] Notis usul tersebut telah dipanggil untuk perbicaraan pada 24 September 1996 dan setelah pihak-pihak bersetuju membuat hujahan bertulis kes ditangguh untuk keputusan pada 19 November 1996. Pada hari tersebut, Yang Arif hakim setelah membaca dan meneliti penghujahan bertulis pihak-pihak memerintahkan bahawa permohonan itu ditolak dan kos permohonan dibayar oleh perayu.

[4] Terkilan dengan keputusan Yang Arif hakim itu maka perayu sekarang ini merayu kepada mahkamah ini terhadap keputusan tersebut.

[5] Di hadapan mahkamah ini, peguam perayu mempertikaikan keputusan Yang Arif hakim itu berdasarkan alasan-alasan seperti berikut:

(i) Memandangkan fakta bahawa responden pertama telah menolak tawaran pengembalian kerja ('reinstatement'), Yang Arif hakim salah di sisi undang-undang apabila beliau gagal memutuskan bahawa responden kedua tidak mempunyai bidang kuasa membuat rujukan di bawah s 20(3) Akta tersebut;

(ii) Yang Arif hakim itu dikatakan salah di sisi undang-undang apabila beliau gagal memutuskan representasi responden pertama di bawah s 20(3) Akta tersebut telahpun diselesaikan dan oleh yang demikian, responden kedua tidak mempunyai bidang kuasa membuat rujukan di bawah s 20(3) Akta tersebut;

(iii) Yang Arif hakim juga dikatakan salah di sisi undang-undang apabila gagal memutuskan bahawa responden kedua telah mempertimbangkan perkara-perkara tidak relevan dan gagal mempertimbangkan perkara-perkara relevan.

[6] Sebelum kami mempertimbangkan alasan-alasan tersebut di atas elok jika kami sebutkan secara ringkas fakta-fakta kes ini.

[7] Responden pertama berkhidmat dengan perayu sebagai seorang Pengurus Pemasaran. Terdapat suatu siri surat-menyurat di antara perayu dan responden pertama di mana beberapa perkara mengenai kerja responden pertama dan lain-lain perkara telah dipertikaikan oleh perayu (sila lihat ms 153–176 rekod rayuan ('RR')).

[8] Selepas dari itu suatu perjumpaan di antara Perayu dan Responden Pertama telah diaturkan pada 11 Ogos 1995. Keesokan harinya, Responden Pertama telah menulis sepucuk surat kepada perayu di mana beliau menyatakan bahawa beliau menganggap dirinya sebagai dibuang kerja oleh Perayu berkuatkuasa mulai 12 Ogos 1995 berdasarkan beberapa sebab.

[9] Di dalam surat itu, antara lain, responden pertama telah menyatakan bahawa pihak perayu telah menawarkan bayaran pampasan kepada beliau sekiranya beliau menamatkan perkhidmatannya dengan perayu. Jika tidak perayu akan mengarahkannya 'bercuti' untuk satu tempoh yang tidak ditentukan. Beliau juga menyatakan yang perayu telah memberinya surat perletakan jawatan untuk ditandatangani tetapi beliau menolak tawaran tersebut (sila lihat ms 178 RR).

[10] Berikutan dari itu perayu telah menjawab surat responden pertama dan diikuti oleh jawapan dari responden pertama (sila lihat ms 108–184 RR) dan seterusnya diikuti jawapan dari pihak perayu (lihat ms 186 RR).

[11] Seterusnya responden pertama telah memfailkan representasinya di bawah s 20(1) Akta tersebut di Jabatan Perhubungan Perusahaan melalui suratnya bertarikh 17 Ogos 1995. Suatu rundingan damai telah ditetapkan oleh jabatan tersebut pada 18 September 1995.

[12] Keesokan harinya, iatu pada 19 September 1995, responden pertama menerima surat bertarikh 18 September 1995 yang menyatakan jawatan beliau dikembalikan semula ('reinstated') dan beliau diarah melaporkan diri untuk bertugas

semula pada 25 September 1995 (lihat ms 193 RR). Satu salinan surat tersebut juga telah dihantar kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan. A

[13] Pada hari yang sama responden pertama menjawab surat perayu tersebut. Beliau membangkitkan beberapa persoalan mengenai isu 'reinstatement' itu dan menyatakan bahawa sebelum beliau boleh melaporkan diri pihak perayu hendaklah memenuhi beberapa syarat seperti yang terkandung di dalam suratnya itu (lihat ms 195–196 RR). Sesalinan surat tersebut juga dihantar kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan. B

[14] Di dalam jawapannya melalui surat bertarikh 20 September 1995, perayu enggan menepati syarat-syarat yang dikenakan oleh responden pertama. C

[15] Melalui suratnya bertarikh 21 September 1995, responden pertama berkeras supaya perayu menerima syarat-syaratnya. Jika tidak beliau terpaksa menganggap yang representasinya masih belum selesai (lihat ms 200 RR). D

[16] Surat responden pertama in! tidak dijawab oleh perayu. Sebaliknya pada 9 Oktober 1995, perayu menulis kepada responden pertama dan memberitahu beliau bahawa beliau dianggap telah melepaskan jawatannya. (lihat ms 202 RR).

[17] Beberapa bulan selepas itu, melalui surat bertarikh 15 Mei 1996 semua pihak berkenaan telah diberitahu mengenai keputusan YB Menteri Sumber Manusia (responden kedua) untuk merujuk representasi responden pertama mengenai pembuangan kerjanya pada 12 Ogos 1995 ke Mahkamah Perusahaan (responden ketiga) di bawah s 20(3) Akta tersebut untuk mendapat satu keputusan (lihat ms 206 RR). E F

[18] Perlu diperjelaskan di sini bahawa perayu berpendirian bahawa representasi responden pertama telahpun diselesaikan di Jabatan Perhubungan Perusahaan semasa rundingan damai diadakan pada 18 September 1995. Tetapi responden pertama, responden kedua dan Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan mempertikai dan menafikan perkara ini. Ini jelas jika diperhatikan affidavit-affidavit berikut: G

(a) afidavit oleh Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan bertarikh 8 September 1996 (lihat ms 141 RR).

(b) afidavit jawapan oleh YB Menteri Sumber Manusia (responden kedua) bertarikh 16 September 1996 (lihat ms 133 dan 136 RR). H

(c) afidavit jawapan responden pertama bertarikh 20 September 1996 (lihat ms 143 RR).

[19] Responden pertama juga mempertikaikan bahawa tawaran yang dibuat oleh perayu mengenai pengembalian semula jawatannya itu adalah ikhlas (genuine) dan mengikut semua syarat dan terma jawatan asalnya. I

[20] Bagi mempertimbangkan alasan-alasan perayu yang pertama dan kedua adalah wajar sekiranya rujukan dibuat kepada s 20(2) dan 20(3) Akta tersebut.

Setelah meneliti peruntukan-peruntukan tersebut jelas bagi kami bahawa responden kedua mempunyai budi bicara yang luas untuk menentukan sama ada sesuatu representasi wajar dirujuk ke Mahkamah Perusahaan.

[21] Di dalam affidavitnya (lihat ms 137 RR), responden kedua dengan jelas menyatakan bahawa beliau berpuashati yang responden ketiga mempunyai bidang kuasa membicara kes ini mengikut skim am, polisi dan objek Akta tersebut.

[22] Beliau seterusnya menyatakan bahawa beliau bertindak mengikut undang-undang di dalam melaksanakan budi bicaranya di bawah s 20(3) Akta tersebut. Beliau menggunakan kuasa budi bicaranya secara adil dan saksama dengan memberi responden pertama peluang untuk merujuk representasinya ke Mahkamah Perusahaan.

[23] Di dalam kes ini responden kedua juga telah mengambil kira semua maklumat yang relevan yang diberi oleh perayu dan responden pertama di mana beliau berpuashati bahawa terdapat keraguan terhadap tawaran 'reinstatement' perayu kerana keengganan perayu untuk menjawab beberapa persoalan tentang tawaran tersebut.

[24] Akhirnya responden kedua berpuas hati representasi responden pertama tidak berjaya diselesaikan oleh Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan atau pegawai yang dilantik olehnya untuk mengendalikan representasi tersebut.

[25] Menangani persoalan yang sama Mahkamah Agung di dalam kes *Minister of Labour, Malaysia v Lie Seng Fatt* [1990] 2 MLJ 9 menyatakan (di ms 10):

> There is no question that the power of the minister under s 20(3) of the Act is wide and the language used by the legislature would seem to confer on the minister a wide discretion whether to refer or not to refer a dispute to the Industrial Court depending on the facts of each case provided of course he has acted bona fide, that is without any improper motive, and he has not taken into account extraneous or irrelevant matters. He has an unfettered discretion but should not be exercised so as to frustrate the object of the statute itself.

[26] Di dalam keadaan kes ini, kami berpuashati bahawa responden kedua telah melaksanakan budi bicaranya dengan adil dan sempurna dan tindakan beliau tidak boleh dianggap sebagai sikap degil atau 'perverse' malah ianya mempunyai justifikasi yang munasabah.

[27] Seperti yang telah kami nyatakan di awal tadi representasi responden pertama tidak dapat diselesaikan dalam mesyuarat rundingan damai. Perkara ini telah dimaklumkan kepada responden kedua oleh Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan.

[28] Menyentuh fungsi atau peranan Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan atau pegawainya dalam mesyuarat perdamaian Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Minister of Labour and Manpower & Anor v Wix Corporation South East Asia Sdn Bhd* [1980] 2 MLJ 248 menyatakan (di ms 250):

Section 20(2) of the Act plainly does not impose any duty on the Director-General or his representative to decide or determine questions of any kind and to ascertain the law and the facts. He is merely required to deal with the situation in the way he thinks best to get the employer and employee to settle the dispute. If he is satisfied that there is no likelihood of settlement within a month, he is to notify the Minister... Whether or not a settlement is reached is a situation brought about by the parties and not by his assessment of facts.

He is merely to notify the Minister that there has been no likelihood of settlement... This provision should indicate that the courts should not be concerned with what transpired at the conciliation proceeding, and where there is no settlement they need only concern themselves with that fact.

[29] Menerusi penilaian fakta-fakta yang terdapat dalam kes ini kami berpendapat bahawa representasi responden pertama bukanlah sesuatu yang remeh dan menyusahkan. Sebaliknya, terdapat pertikaian fakta dan undang-undang yang serius untuk representasi tersebut dirujuk kepada Mahkamah Persekutuan. Undang-undang khusus yang melibatkan isu pembuangan kerja secara konstruktif ('constructive dismissal') telah dibangkitkan oleh responden pertama. Jadi, Mahkamah Perusahaan adalah forum yang tepat dan sesuai untuk membicarakan isu ini (lihat kes *Hong Leong Equipment Sdn Bhd v Liew Fook Chuan and another appeal* [1996] 1 MLJ 481).

[30] Keengganan responden kedua untuk merujuk representasi responden pertama ke Mahkamah Perusahaan boleh dianggap sebagai kekhilafan dari segi undang-undang. Perkara ini mendapat perhatian Mahkamah Rayuan di dalam kes *Minister of Human Resources v Thong Chin Yoong* [1999] 3 MLJ 257 di mana Mahkamah tersebut memutuskan bahawa sama ada atau tidak seorang pekerja adalah dipecat secara konstruktif adalah persoalan undang-undang yang bukan bidang kuasa Menteri untuk memutuskan. Mahkamah Perusahaan adalah tempat yang terbaik untuk memutuskan persoalan ini. Dalam pelaksanaan budi bicara beliau yang betul, Menteri tersebut seharusnya merujuk representasi responden kepada Mahkamah Perusahaan untuk memutuskan atas merit-meritnya. Oleh itu, Menteri tersebut telah gagal untuk menyedari sepenuhnya skop budi bicara beliau di bawah s 20(3) Akta tersebut apabila beliau enggan merujuk kepada Mahkamah Perusahaan.

[31] Kami telah menyatakan di awal penghakiman ini bahawa perayu di dalam permohonannya di hadapan Mahkamah Tinggi ada memohon suatu perintah Larangan (prohibition order) terhadap Mahkamah Perusahaan. Dengan berbuat demikian, perayu telah membangkitkan isu bidang kuasa atau 'threshold jurisdiction' Mahkamah Perusahaan. Pada hemat kami, isu ini haruslah dibangkitkan di hadapan Mahkamah Perusahaan kerana mahkamah itu juga yang mempunyai kuasa untuk menentukan sama ada ianya mempunyai bidang kuasa (lihat *Inchcape Malaysia Holdings Bhd v RB Gray & Anor* [1985] 2 MLJ 297).

[32] Permohonan perayu untuk suatu perintah certiorari bagi membatalkan keputusan responden kedua dan perintah larangan terhadap Mahkamah Perusahaan jelas menggalakkan pertindihan prosiding atau 'duplicity of proceedings' (lihat *Oversea-Chinese Banking Corporation Ltd. v. National Union of Bank Employees & Ors* [1985] 1 MLJ 439).

[33] Bagi mempertimbangkan alasan ketiga perayu, ingin kami ulangi di sini bahawa responden kedua dalam membuat keputusannya merujuk representasi responden pertama ke Mahkamah Perusahaan telah mengambil kira perkara-perkara yang relevan mengenai representasi tersebut (lihat *Minister of Labour v Lie Seng Fatt*).

[34] Bertentangan dengan dakwaan perayu, ingin kami nyatakan sekali lagi di sini bahawa kami yakin dalam keadaan kes ini keputusan responden kedua merujuk representasi responden pertama ke Mahkamah Perusahaan di bawah s 20(3) Akta tersebut adalah betul, tepat, wajar dan tidak 'perverse'. Keputusan tersebut merupakan satu pelaksanaan budi bicara yang amat berpatutan dan wajar dan tidak boleh dipertikaikan.

[35] Berhubung dengan isu yang agak sama iaitu pelaksanaan budi bicara yang ditentukan oleh undang-undang kami merasakan amat sesuai jika dirujuk kepada penghakiman Lord Greene MR dalam kes *Associated Provincial Picture Houses Ltd v Wednesbury Corp* [1948] 1 KB 223 di mana beliau menyatakan (di ms 228–230):

> When discretion of this kind is granted the law recognized certain principles upon which that discretion must be exercised, but within the four corners of those principles the discretion, in my opinion, is an absolute one and cannot be questioned in any court of law. What then are those principles? They are well understood. They are principles which the court looks to in considering any question of discretion of this kind. The exercise of such a discretion must be a real exercise of the discretion. If, in the statue conferring the discretion, there is to be found expressly or by implication matters which the authority exercising the discretion ought to have regard to, then in exercising the discretion it must have regard to those matters. Conversely, if the nature of the subject-matter and the general interpretation of the Act make it clear that certain matters would not be germane to the matter in question, the authority must disregard those irrelevant collateral matters....
>
> Bad faith, dishonesty — those of course, stand by themselves — unreasonableness, attention given to extraneous circumstances, disregard of public policy and things like that have all been referred to, according to the facts of individual cases, as being matters which are relevant to the question...
>
> It is true the discretion must be exercised reasonably. Now what does that mean? Lawyers familiar with the phraseology commonly used in relation to exercise of statutory discretions often use the word 'unreasonable' in a rather comprehensive sense. It has frequently been used and is frequently used as a general description of the things that must not be done. For instance, a person entrusted with a discretion must, so to speak, direct himself properly in law. He must call his own attention to the matters which he is bound to consider. He must exclude from his consideration matters which are irrelevant to what he has to consider. If he does not obey those rules, he may truly be said, and often is said, to be acting 'unreasonably'. Similarly, there maybe something so absurd that no sensible person could ever dream that it lay within the powers of the authority. Warrington LJ in *Short v Poole Corp* [1926] Ch 66 gave the example of the red-haired teacher, dismissed because she had red hair. That is unreasonable in one sense. In another sense, it is taking into consideration extraneous matters. It is so unreasonable that it might almost be described as being done in bad faith; and, in fact all these things run into one another.... It is true to say that, if a decision on a competent matter is so unreasonable that no reasonable authority could ever have come to it, then the courts can interfere. That, I think, is quite right; but to prove a case of that kind would require something overwhelming, and, in this case, the facts do not come anywhere near anything of that kind.

[36] Begitulah juga dengan keadaan kes ini kami berpendapat bahawa tindakan yang diambil oleh responden kedua dalam melaksanakan budi bicaranya di bawah s 20(3) Akta tersebut amatlah berpatutan dan wajar. Perayu gagal menunjukkan bahawa responden bertindak secara sesuka hati tanpa mengambil kira perkara-perkara yang relevan dan mengikut undang-undang.

[37] Walau apapun, konsep undang-undang pentadbiran membenarkan perbezaan pendapat dalam penggunaan budi bicara. Prinsip ini jelas diperkatakan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam penghakimannya berhubung kes *National Union of Hotel, Bar & Restaurant Workers v. Minister of Labour & Manpower* [1980] 2 MLJ 189 di mana dinyatakan (di ms 190–191):

> The criteria adopted by the courts in the process of judicial review of administrative actions are expressed in general terms, and there is no agreed terminology. As was said by Lord Wilberforce in *Secretary of State for Education & Science v Tameside Metropolitan Borough Council* [1976] 3 All ER 665:
>
> > There is no universal rule as to the principles on which the exercise of a discretion may be reviewed; each statute or type of statute must be individually looked at.
>
> Thus we must construe the Industrial Relations Act 1967, to determine its policy and object. It cannot be gainsaid that the intention of the Act is to regulate the relations between management and labour and to prevent and settle trade disputes arising therefrom. Briefly, it provides machinery for investigating, determining and settling such disputes by arbitration, conciliation and reference to the Industrial Court, and in implementing it, policy decisions come into play. The courts call this 'discretion', meaning that the decision is one for the Minister to make, and not for the courts. It is a matter of discretion depending upon the satisfaction of the Minister with respect to the expediency of making such a reference....
>
> Looking at the factual basis upon which he invoked his discretionary power, we are satisfied that he had exercised it in a manner which is in accord with the intention of the Act. He is an elected Minister and is entitled to have his opinion of Industrial problems within the area of his responsibility respected. In controversial matters such as are involved in industrial relations there is room for differences of opinion as to what is expedient. 'The very concept of administrative discretion involves a right to choose between more than one possible course of action upon which there is room for reasonable people to hold differing opinions as to which is to be preferred.' These words taken from the speech of Lord Diplock in the *Tameside* case, (p 695) reflect the truism that those in whom discretionary power is vested have, to a greater or lesser extent, a range of options at their disposal.

[38] Dengan petikan tersebut di atas, kami mengakhiri penghakiman ini dan mengulangi pendirian kami bahawa di dalam keadaan kes ini tindakan yang diambil oleh responden kedua amat sesuai dan munasabah.

[39] Berlandaskan alasan-alasan dan autoriti-autoriti yang dibentangkan di atas, kami sebulat suara bersetuju bahawa rayuan ini hendaklah ditolak dengan kos. Deposit kepada responden-responden terhadap taksiran kos.

A **[40]** Draf penghakiman ini telah dikemukakan kepada rakan saya Mokhtar Sidin HMR dan beliau telahpun memberi persetujuannya. Rakan kami Mohd Saari HMR yang sama-sama mendengar rayuan ini telahpun bersara.

Rayuan ditolak dengan kos.

B

Reported by Loo Lai Mee

C

D

E

F

G

H

I